

Jenis Akhbar : Bernama Online  
Tarikh : 08/04/2020  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
Tajuk : Program CB-Prihatin sedia dana RM100 juta

## Program CB-Prihatin sedia dana RM100 juta



08/04/2020 05:59 PM

KUALA LUMPUR, 8 April -- Co-Opbank Pertama (CBP) memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta bagi Program CB-Prihatin untuk membantu pihak berkepentingan CBP yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif CBP Mohd Nor Abd Razak berkata program diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Lembaga CBP hari ini adalah sebagai menyahut inisiatif kerajaan menerusi pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac, 2020 serta Pakej Prihatin (Tambahan) untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pada 6 April, 2020.

Program itu mengandungi tiga pakej iaitu Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS & Koperasi; Pakej CB-Prihatin (Covid-19) dan Pakej Majikan CB-Prihatin, kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Sebanyak RM100 juta diperuntukkan bagi Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS dan Koperasi dengan ciri-ciri seperti tempoh penangguhan (keuntungan perkhidmatan), tangguhan bayaran prinsipal selama sembilan bulan (hanya bayaran keuntungan pembiayaan diambil kira), kadar keuntungan rendah (kadar yang ditawarkan adalah ECOF (Kos Dana Efektif) + satu peratus setahun) manakala yuran guaman sebanyak 50 peratus ditanggung oleh CBP.

Menurutnya, CBP akan turut memberi moratorium kepada semua pelanggan korporat (PKS) dan koperasi yang layak bermula 1 April, 2020 sehingga 30 Sept, 2020.

"Bagi koperasi kredit, moratorium akan diberikan sekiranya koperasi tersebut turut memberikan moratorium kepada pelanggan mereka," katanya.

Selain itu, Mohd Nor berkata pelanggan baharu pembiayaan peribadi dikeluarkan selepas 1 April 2020 boleh memohon untuk penangguhan bayaran ansuran selama tiga bulan namun ini tertakluk kepada kelulusan CBP.

"(Permohonan) Pakej ini terbuka sehingga 30 Sept 2020 dengan kadar keuntungan serendah 3.45 peratus setahun," katanya.

Beliau berkata CBP juga memperuntukkan dana sebanyak RM500,000 melalui pakej CB-Prihatin COVID-19 bagi untuk bantuan kewangan dan keperluan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) untuk barisan petugas hadapan serta mangsa virus itu.

Bagi Pakej Majikan CB-Prihatin, sebanyak RM400 akan diberikan kepada kakitangan CBP yang layak secara bulanan bermula April hingga September 2020 bagi meringankan beban kewangan keluarga akibat COVID-19.

"Sehubungan itu, mana-mana koperasi atau PKS yang terjejas akibat COVID-19 adalah dipelawa untuk mendapatkan pembiayaan melalui program tersebut," katanya.

Selain itu, mesyuarat hari ini turut meluluskan bayaran interim bagi dividen sebanyak tiga peratus untuk 2019 manakala baki dividen akan dibayar selepas Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) CBP pada September depan.

-- BERNAMA